

CNS7193

U PB 05-08 00186 BA673

bah

Umno - Adam

SENATOR ADAM KADIR BUKAN LAGI ANGGOTA UMNO, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Ketua Umno Cawangan Besarah Selatan, dalam Bahagian Kuantan, Pahang, Senator Adam Abdul Kadir, bukan lagi anggota Umno selepas beliau membawa kes cawangannya ke mahkamah bulan lepas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Presiden Umno itu berkata, Adam, yang juga Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara, gugur secara automatik keanggotaannya dalam Umno kerana melanggar Perkara 18(3) Perlembagaan Umno yang melarang anggotanya membawa masalah parti ke mahkamah.

"Kalau sudah sah dia melanggar peraturan parti, kita terpaksa patuh kepada peraturan itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini.

Adam pada bulan lepas berjaya mendapat perintah Mahkamah Tinggi Kuantan supaya Umno Bahagian Kuantan menerima yuran keanggotaan daripada Umno Cawangan Besarah Selatan yang diketuainya.

Beliau mendapat perintah itu selepas mengemukakan saman terhadap Umno Bahagian Kuantan dengan menamakan Ketua Umno Bahagian itu, Datuk Fauzi Abdul Rahman sebagai defendan pertama dan Setiausaha Umno Bahagian Encik Abu Mansor Mohd Yusof sebagai defendan kedua. -- lagi.

▼05/08/16-00MST

CNS7220

R GB 05-08 00151 BA679

bah

Umno - Adam 2 Kuala Lumpur

Hakim Datuk Lamin Mohd Yunus juga memerintahkan Umno Bahagian Kuantan supaya melaksanakan sepenuhnya keputusan MT Umno selaras dengan surat-surat Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat, yang bertarikh 16 Okt 1992 dan 12 Jan lepas.

Dr Mahathir berkata, Adam masih boleh merayu mengikut prosidur biasa untuk dipertimbangkan oleh MT Umno walaupun beliau bukan lagi seorang anggota Umno.

Mengenai kedudukan Adam sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara, beliau berkata, jawatannya itu tidak terjejas kerana Adam dilantik atas sifat dirinya sebagai seorang Senator bukannya anggota Umno.

"Umno tidak ada kuasa terhadap perlantikan Senator," tambahnya.

Presiden Umno itu juga berkata, MT menyerahkan kepada Badan Perhubungan Umno Selangor supaya mengesahkan keanggotaan dan kesahihan mesyuarat agung Pergerakan Pemuda Umno Cawangan Ampang Jaya yang kecoh baru-baru ini berikutan "kehilangan" nama beberapa anggotanya daripada senarai keanggotaan Pemuda Umno. -- lagi.

▼05/08/16-29MST

CNS7222

R GB 05-08 00147 BA680

bah

Umno - Adam 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Sementara itu, Mohamed ketika diminta mengulas lebih lanjut pengguguran keanggotaan Adam berkata, kes Adam harus dijadikan pengajaran oleh semua anggota Umno supaya tidak membawa masalah parti ke mahkamah.

Katanya, segala masalah parti perlu dirujuk kepada Badan Perhubungan Umno Negeri untuk mendapatkan penyelesaian kerana M' sudah menurunkan kuasanya kepada mereka untuk membuat keputusan.

Dalam kes Adam, Mohamed berkata, M' Umno sudah menimbangkan masalah Umno Cawangan Beserah Selatan dan mengarahkan Umno Bahagian Kuantan supaya melaksanakan keputusan M' dengan menerima yuran keanggotaan cawangan itu.

"Oleh kerana Umno Bahagian Kuantan tidak melaksanakan keputusan M', Adam yang merasakan tidak puas hati telah membawa kes itu ke mahkamah. Adam tidak sepatutnya membawa ke mahkamah apa-apa perkara berhubung dengan parti walaupun dia tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat," katanya. --

Bernama.

AH NMO

▼05/08/16-32MSI